

▼10/08/12-45MST

CNS2738

R GB 10-08 00172 BA428

aab

MALAYSIA MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI KEHADIRAN SERBIA PADA MESYUARAT NAM Mahathir - Bosnia

I

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Kabinet akan menentukan pendirian Malaysia pada mesyuarat minggunya Rabu ini sekiranya Yugoslavia diwakili oleh Serbia pada mesyuarat Pergerakan Berkecuali (NAM) di Jakarta bulan depan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

+Kami akan berbincang dan menilai semula keadaan sekiranya Serbia mewakili Yugoslavia pada mesyuarat itu,+ katanya.

Semalam, Perdana Menteri berkata Malaysia mungkin memutuskan hubungan diplomatik dengan Yugoslavia berikutan kekejaman yang dilakukannya di Bosnia-Herzegovina.

Mesyuarat Kabinet itu juga akan mengkaji cadangan Pemuda UMNO supaya kerajaan membatalkan semua kontrak perniagaan yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat Yugoslavia di Malaysia, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan keenam mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di Dunia Islam anjuran Akademi Sains Islam di Pusat Islam di sini.

+Kerajaan perlu mengkaji dahulu sama ada syarikat-syarikat itu dimiliki oleh orang Croat, Serb atau Bosnia kerana kita tidak boleh sewenang-wenangnya membatalkan semua tender ,+ katanya. -- Lagi

▼10/08/13-08MST

CNS2748

R GB 10-08 00162 BA429

aab

Mahathir - Bosnia 2 Kuala Lumpur

Mengenai cadangan supaya digunakan kekuatan ketenteraan untuk memulihkan keamanan di Bosnia-Herzegovina, Dr Mahathir berkata:+ Kita perlu mengkaji dahulu siapa yang menggunakan paksaan (terhadap siapa) dan tentera kepunyaan-siapa.+

Kepada cadangan supaya NAM memberitumpuan lebih kepada ekonomi dan bukannya politik bagi memenuhi kehendak semasa, katanya, cadangan itu perlu dikaji kerana NAM masih mempunyai peranan politik dan relevannya.

Dalam ucapannya merasmikan persidangan itu, Dr Mahathir berkata negara-negara Islam hendaklah membaiki kemudahan penyelidikan pendidikan dan sains bagi memastikan keupayaan Ummah maju selari dengan peningkatan sains dan teknologi dan mengembangkannya pula.

Bagi membolehkan proses ini dipercepat dan membaiki mutu hidup Ummah, ahli sains Islam hendaklah menimba sebanyak mungkin ilmu bagi membolehkan mereka memajukan teknologi yang sesuai dengan keperluan alam sekitar.

+Hasil penyelidikan dan data teknikal akan juga &pat memperkukuhkan asas para perunding Islam ketika mereka merundingkan pelbagai peraturan dan protokol mengenai alam sekitar,+ katanya. -- Lagi

▼10/08/13-29MST

CNS2754

R GB 10-08 00167 DA430

aab

Mahathir - Bosnia 3 Kuala Lumpur

Katanya, cendekiawan, ahli sains dan penyelidik dalam dunia Islam tidak boleh ketinggalan sekiranya mereka ingin membantu Ummah mengembang dan memperkukuhkan asas sains dan teknologi, terutama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

+Asas sains dan teknologi yang kukuh adalah penting dalam usaha kita untuk mengatasi masalah berkaitan dengan makanan, pertahanan, keselamatan, perumahan, bahn api dan tenaga, kesihatan dan pencemaran, penggunaan sumber logam dan peningkatan pengeluaran pertanian dan perindustrian,+ katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan mengenai perlunya dipertingkatkan kerjasama Selatan-Selatan sementara interaksi dan kerjasama Utara-Selatan adalah penting dalam mencegah kemerosotan alam sekitar sedunia dan keperluan mengekalkan perkembangan ekonomi.

+Negara-negara Islam hendaklah memainkan peranan mereka dalam mencapai keperluan ini kerana para saintis dunia Islam dapat menyumbang kepada kerjasama Selatan-Selatan dalam bidang alam sekitar dan pembangunan,+ katanya.

Dr Mahathir berkata kini terpulangnya kepada ahli sains di negara membangun untuk mencipta dan mengubah suai teknologi ciptaan negara maju untuk menyesuaikan dengan keperluan negara membangun. -- Lagi

♥10/08/13-42MST

CNS 2784

R GB 10-08 00143 BA433

aab

Mahathir - Bosnia 4 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata para saintis Islam hendaklah menunjukkan kepada dunia mengenai makna sebenar tamaddun dan kemajuan manusia kerana orang Islam dikehendaki mencari ilmu pengetahuan bukan untuk niat jahat tetapi bagi kebaikan semua manusia.

+Saya percaya bahawa segala cabaran dan kesusulitan yang dihadapi dapat diatasi sekiranya kita patuhi ajaran Islam yang membawa kepada zaman kegemilangan Islam, + katanya.

Beliau juga menyentuh mengenai wawasan Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dan menambah kata bahawa ini tidak bermakna mencapai taraf per kapita Keluaran Kasar Negara negara-negara kaya.

Bagaimanapun, katanya, faktor yang sama penting ialah mendapatkan ilmu pengetahuan yang dapat menyumbang ke arah keselamatan negara dan kebebasan sains dan teknologi .

+Tanpainsi, kita semua akan terus menjadi penerima, bergantung kepada belasehsan orang lain, kata Dr Mahathir. -- Lagi

♥10/08/14-20MST

CNS2790

R GB 10-08 00059 BA434

aab

Mahathir - Bosnia 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Saintis dari Arab Saudi, Jordan, Mesir, Turki, Bangladesh, Pakistan, Magribi, Russia, Sudan, Amerika Syarikat, Kuwait, Algeria, Tunisia, Senegal, Iraq, Indonesia dan Malaysia menghadiri persidangan lima hari itu.

Akademi Sains Islam ialah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang berpejabat di Amman, Jordan. -- Bernama

♥10/08/14-27MST